

LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 SDN BHD (“LPT2 Sdn Bhd”)

No. Pendaftaran: 199301022231 (276969-H)

KENYATAAN TAWARAN TENDER

CADANGAN LANTIKAN PERUNDING BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN ASET UNTUK LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 SDN BHD

[PENDAH REF. NO.: LPT2/S-CCS/2025/06/130]

TAJUK TENDER	KELAYAKAN	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	SKOP KERJA	TAKLIMAT TENDER	PENJUALAN DOKUMEN TENDER	BAYARAN DOKUMEN	SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
CADANGAN LANTIKAN PERUNDING BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN ASET UNTUK LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 SDN BHD	Memiliki perakuan yang masih sah seperti berikut: 1) Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) yang masih sah semasa tarikh tutup tender; 2) Mempunyai Sijil Akuin Pendaftaran Firma Perunding dari Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tender diiklankan; 3) Mempunyai Sijil Pendaftaran Jurutera Profesional dengan Sijil Amalan dari Lembaga Jurutera Malaysia yang masih sah semasa tarikh tutup tender; 4) Syarikat mempunyai 15 tahun pengalaman sebagai perunding dalam bidang kejuruteraan dan infrastruktur; 5) Berpengalaman dalam pengurusan aset bagi konsesi lebuhraya.	Perunding mestilah berdaftar di bawah kategori dan kepakaran seperti yang dinyatakan dalam Sijil Akuin Pendaftaran Firma Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, serta mempunyai pengalaman dalam menyediakan perkhidmatan perundingan bagi bidang kejuruteraan dan infrastruktur, termasuk pengalaman dalam pengurusan aset bagi konsesi lebuhraya: Kategori Perkhidmatan Perunding Fizikal Pengkhususan 1) 330101 – Perkhidmatan Perunding Fizikal/Kejuruteraan/Kejuruteraan Awam 2) 330102 – Perkhidmatan Perunding Fizikal/Kejuruteraan/Kejuruteraan Struktur	Perkhidmatan perunding bagi Pengurusan Aset melibatkan aset-aset sivil seperti pavemen, cerun, longkang, pembetung, struktur jambatan, perabot jalan (termasuk pagar, penghadang jalan, papan tanda dan penanda jalan), bangunan dan loji rawatan kumbahan bagi konsesi lebuhraya termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut: 1) Bertanggungjawab ke atas keseluruhan penyelarasan dan pengurusan bagi pemeriksaan, penilaian keadaan serta pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, pembaikan dan preventif bagi konsesi lebuhraya selaras dengan keperluan Perjanjian Konsesi. 2) Penilaian keadaan aset di sepanjang rangkaian (“highway network”). 3) Sasatan terhadap kecacatan struktur dan kawasan yang kerap berlaku kemalangan. 4) Rekabentuk, pengurusan projek dan pembangunan. 5) Pengurusan, penyediaan dan jaminan kualiti. 6) Kerja-kerja kecemasan. 7) Garis panduan keperluan kualiti dan keselamatan. 8) Lain-lain (pembangunan tepi lebuhraya, semakan permohonan pembangunan pihak ketiga).	Tarikh: 7 Julai 2025 (Isnin) Masa Pendaftaran: 9:00 pagi - 10:00 pagi Masa Taklimat: 10.15 pagi Tempat: Bertam Training Room, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Koordinat: 3.1045710832580604, 101.58939276490007 • KEHADIRAN SECARA FIZIKAL PADA SESI TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN	Tempoh Jualan: 10 Julai 2025 hingga 16 Julai 2025 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum) Tempat: Kauenter Penjualan Tender, Mezzanine Floor, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Harga satu (1) set Dokumen Tender RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) (Tidak akan dikembalikan) Dokumen Tender akan dihantar melalui e-mel tender.rm@plus.com.my selepas pengesahan pembayaran dilakukan. Pembayaran secara dalam talian sahaja kepada:- LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 SDN BHD CIMB Bank Berhad No. Akaun: 8007 54 9265 Rujukan Pembayaran: “Asset Management Services LPT2” Butiran Pembayaran: Nama Syarikat yang layak membeli tender	SERAHAN DOKUMEN TENDER SALINAN CETAK SECARA FIZIKAL Tempat: PETI TENDER (TENDER BOX), Aras Bawah, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tarikh dan Masa Tutup Tender 5 Ogos 2025 Pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari. Petender hendaklah mengemukakan Deposit Tender bernilai RM10,000.00 dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia pada atau sebelum Tarikh Tutup Tender bersama Dokumen Tender.

Petender hendaklah memenuhi syarat WAJIB berikut untuk membeli tender ini :

SYARAT KELAYAKAN

- Penender yang berminat untuk menyertai tender ini mestilah mempunyai pengalaman seperti berikut:-
 - Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman sebagai perunding dalam bidang kejuruteraan dan infrastruktur; dan
 - Mempunyai pengalaman dalam pengurusan aset bagi konsesi lebuhraya.
- Purata hasil tahunan syarikat dalam mana-mana tiga (3) tahun terkini adalah sebanyak RM4 juta atau lebih.
- Nisbah semasa minima adalah sekurang-kurangnya 1.0 atau lebih.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja. Mana-mana petender yang didapati telah menghantar lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan keseluruhan penyertaan secara automatik. Setiap syarikat hanya boleh mengambil bahagian sebagai syarikat tunggal sahaja.
- Deposit Tender berjumlah **Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja (RM10,000.00)** dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia di atas nama “LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 SDN BHD” hendaklah dikemukakan bersama Dokumen Tender semasa serahan pada atau sebelum Tarikh & Masa Tutup Tender.

Nota:

- Dokumen tender boleh dibeli di **Kauenter Penjualan Tender, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** pada waktu pejabat (9.00 pagi – 4.00 petang) bermula pada **10 Julai 2025** hingga **16 Julai 2025**.
- Harga Dokumen Tender adalah sebanyak **RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja)** dan **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian/ “online transfer” SAHAJA dengan rujukan “Asset Management Services LPT2” berserta butiran nama Syarikat yang layak membeli tender di atas nama **LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 SDN BHD, No. Akaun 8007 54 9265**. Sila sertakan bukti pembayaran pembelian ketika pembelian Dokumen Tender.
- Wakil petender yang ditauliahkan untuk membuat pembelian Dokumen Tender perlulah membawa cop rasmi Syarikat, mengemukakan semua sijil asal, dan juga salinan bagi Perakuan Pendaftaran Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Akuin Pendaftaran Firma Perunding dari Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran dari Lembaga Jurutera Malaysia dan Surat Tawaran (LOA) sebagai bukti pelantikan mereka. Salinan tidak akan dikembalikan.
- Petender diingatkan bahawa semua salinan dokumen mestilah disahkan sebagai Salinan Asal oleh pihak yang diberi kuasa, iaitu Setiausaha Syarikat atau Pesuruhjaya Sumpah.
- Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tamat tempoh pembelian Dokumen Tender sepertimana yang telah disebutkan di atas. Dokumen Tender bercetak yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada tarikh, masa dan tempat yang dijadualkan di atas.
- Penyerahan tender mesti dihantar mengikut arahan keperluan penyerahan tender dan tender yang dihantar selepas Tarikh dan Masa Tutup tender yang ditetapkan **TIDAK AKAN DITERIMA**. LPT2 Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kehilangan, kelewatan, kerosakan atau isu lain berkaitan dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.
- LPT2 Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab atau alasan sesuatu tawaran itu ditolak. Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau tender berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya adalah menjadi tanggungan petender sepenuhnya. Pihak LPT2 Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak petender.
- Sebarang pertanyaan berkenaan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mel tender.rm@plus.com.my.